



Yayasan Waqaf Malaysia (PPAB-02/2008)

## **YAYASAN WAQAF MALAYSIA**

### **IKLAN JAWATAN KOSONG**

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan dan berkelayakan bagi mengisi jawatan kosong di Yayasan Waqaf Malaysia (YWM).

Jawatan : **PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS (GRED E41)**

Bilangan kekosongan : Satu

Taraf Jawatan : Kontrak

Gaji Ditawarkan : • Gaji Pokok : RM2,422.00  
• Elaun Tetap Perumahan: RM300.00  
• Elaun Sara Hidup : RM300.00  
• Elaun ITKA : RM300.00

Syarat Lantikan : • Ijazah sarjana muda kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;  
• lulus Bahasa Malaysia (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan  
• memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian dalam bidang berkaitan.

- Diskripsi tugas : • Menyelaras dan menjadi pegawai penghubung dengan pemegang-pemegang taruh YWM;
- Bertindak sebagai pegawai penyelaras Petunjuk Prestasi Utama (KPI) YWM;
  - Menyedia dan menyelaras laporan pencapaian bulanan, suku tahun, pertengahan tahun dan tahunan YWM;
  - Mengumpul dan menyelaras Pelan Perniagaan Tahunan YWM;
  - Menyelaras komunikasi dan dokumentasi dengan Ketua-ketua Bahagian YWM;
  - Menyediakan laporan radar korporat YWM; dan
  - Melaksanakan tugas-tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa.

## **CARA MEMOHON**

- a) Permohonan hendaklah dibuat dengan menghantar resume yang lengkap dengan gambar dan salinan dokumen-dokumen yang disahkan oleh Pegawai yang berkelayakan. Sila nyatakan jawatan yang dipohon di sudut atas sebelah kiri sampul surat.
- b) Permohonan hendaklah disampaikan kepada:

**Bahagian Pengurusan**

**Yayasan Waqaf Malaysia**

**Aras 8, Blok D**

**Kompleks Islam Putrajaya**

**Jalan Tun Abdul Razak, Presint 3**

**62100 Putrajaya.**

- c) Tarikh tutup iklan ialah pada **12 Februari 2024 (Isnin)**.

## **CATATAN AM**

- a) Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil temuduga.
- b) Pemohon yang tidak menerima jawapan selepas tempoh 6 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- c) Hanya calon-calon yang berjaya dalam urusan temuduga akan dimaklumkan.

## **PENAFIAN**

Iklan jawatan kosong ini semata-mata untuk tujuan pelawaan sahaja dan tidak membentuk sebarang komitmen yang mengikat dengan mana-mana pihak. YWM tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kekeliruan mengenai maksud iklan jawatan kosong ini. Keputusan pengambilan pekerjaan adalah sepenuhnya bergantung kepada Pengurusan YWM.